

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

NGO KEPENGGUNAAN PLATFORM PENYAMPAIKAN MAKLUMAT YANG TEPAT KEPADA PENGGUNA

PUTRAJAYA, 24 OKTOBER 2018 – Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail hari ini mengadakan perjumpaan bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kepenggunaan bagi membincangkan tentang peranan Kementerian dan tanggungjawab pihak NGO dalam memperjuangkan hak-hak pengguna di Malaysia.

Perjumpaan ini merupakan platform bagi Kementerian untuk menjalinkan kerjasama dengan semua NGO Kepenggunaan untuk sama-sama membantu Kerajaan dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada rakyat dengan menjadi mata dan telinga Kerajaan dalam melaporkan tindakan-tindakan tidak beretika oleh peniaga yang menafikan hak-hak pengguna. Dalam perjumpaan ini, YBM mewakili Kementerian menyentuh 9 aspek kepenggunaan yang perlu diambil perhatian oleh pihak Kementerian dan juga NGO. Aspek yang disentuh adalah berhubung:-

1. Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 2.0

Kekeliruan di kalangan pengguna terutamanya berhubung caj perkhidmatan dan cukai perkhidmatan yang dikenakan terutamanya oleh peniaga restoran atau kedai makan dan had nilai ambang (*threshold*) bagi sesebuah perniagaan bagi membolehkan cukai perkhidmatan dikenakan iaitu samada nilai pendapatan sesebuah premis perniagaan tersebut mencecah RM1.5 juta turut menjadi perkara yang dibangkitkan oleh pengguna.

2. Pusat Pengurusan Aduan Pengguna (PPAP)

Kementerian telah mewujudkan Pusat Pengurusan Aduan Pengguna (PPAP) dengan menyediakan 8 saluran aduan. Satu lagi saluran aduan yang baru iaitu *Whatsapp* telah

diwujudkan pada 1 September 2018. Sebanyak 11,178 mesej telah diterima melalui aplikasi ini dan jumlah mesej harian tertinggi yang diterima adalah berjumlah 2,196 mesej. Sehingga 22 Oktober ini, hampir 40% aduan yang telah diterima adalah berkaitan harga seperti harga mahal, harga berbeza di rak dan kaunter, tiada tanda harga dan harga yang mengelirukan.

3. Dasar Harga Terangkum

Pelaksanaan Dasar Harga Terangkum terhasil daripada kekeliruan tentang harga yang dipaparkan atau diiklankan berbeza dengan harga sebenar. Dengan dasar ini, peniaga dikehendaki memaparkan harga merangkumi keseluruhan caj-caj dikenakan terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan. Dasar ini dilaksanakan terhadap 2 jenis perniagaan iaitu industri perhotelan serta industri makanan dan minuman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 10B, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017 [Akta 1544] dan Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Perniagaan Ditetapkan) 2017.

4. Had Nilai Tuntutan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia

Sejak ditubuhkan pada 15 November 1999 sehingga September 2018, jumlah pemfailan oleh TTPM adalah sebanyak 100,533 yang melibatkan jumlah kerugian bernilai RM 152,518,533.00. Memandangkan kos barangan dan perkhidmatan yang semakin meningkat, Kementerian ini sedang mempertimbangkan untuk menaikkan had setiap tuntutan daripada RM25,000.00 kepada RM50,000.00.

5. Subsidi Petrol Secara Bersasar

Sebagai langkah penjimatan dan memastikan subsidi ini dapat disampaikan terus kepada golongan tersasar, Kerajaan akan memperkenalkan pelaksanaan subsidi petrol secara bersasar. Kementerian Kewangan bersama Kementerian ini telah mengenal pasti beberapa kaedah penyampaian subsidi bersasar yang boleh dilaksanakan. Setelah kajian ini dimuktamadkan, Memorandum Jemaah Menteri akan diangkat untuk diperbincangkan dan diputuskan kaedah pelaksanaan yang terbaik.

6. Majlis Penasihat Pengguna Negara

Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) ditubuhkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 bagi mengiktiraf kepentingan NGO dalam memberikan pandangan ke arah pembentukan dasar dan langkah penyelesaian yang bersesuaian untuk menjaga kepentingan pengguna. Majlis ini dianggotai oleh 16 orang wakil daripada persatuan pengguna, industri, ahli akademik serta pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan dengan isu kepenggunaan. MPPN bagi sesi 2017/2018 dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohd Azmi Bin Abdul Hamid yang merupakan Timbalan Pengerusi Persatuan Pengguna Pulau Pinang (*Consumers Association of Penang, CAP*).

7. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)

Keprihatinan Kerajaan terhadap isu kos sara hidup ditonjolkan melalui pengaktifan semula peranan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Majlis ini bertujuan untuk memperkukuh dan menyelaraskan pelaksanaan strategi serta pelan tindakan bagi menangani isu dan kenaikan kos sara hidup rakyat dengan lebih proaktif dan efisien melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta.

8. Urus Niaga Perdagangan Elektronik

Kementerian ini telah memperkenalkan Akta Perdagangan Elektronik 2006 bagi tujuan memberi pengiktirafan undang-undang kepada urus niaga perdagangan elektronik dan Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Urus niaga Perdagangan Elektronik) 2012 bagi melindungi pengguna dalam talian di Malaysia serta mengurangkan risiko pembelian dalam talian. Bagi melindungi hak pengguna, pihak *Cybersecurity Malaysia* telah memperkenalkan pentauliahan *Malaysia Trustmark (MT)* kepada peniaga dalam talian. Selain daripada MT, Kementerian juga melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) turut memperkenalkan penggunaan logo SSM Biztrust yang merupakan salah satu inisiatif bagi mengekang aktiviti penipuan yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

9. Pelan Tindakan Industri Katering

Dari tahun 2014 hingga September 2018, sebanyak 46 aduan telah diterima oleh pihak Kementerian berhubung perkhidmatan katering. Walau bagaimanapun, sehingga kini, masih belum ada lagi *focal point* yang mengawal selia dan membangunkan industri katering ini. Sehubungan itu, sebagai langkah awal, Kementerian kini dalam usaha menghasilkan Pelan Tindakan Industri Katering bagi memperkasakan industri katering di bawah satu persatuan induk yang bertindak sebagai *focal point* dalam merancang dan bekerjasama dengan Kementerian untuk membangunkan industri tersebut.

10. Program Food Bank

Menyedari hakikat pembaziran barang-barang keperluan di *hypermarket* dan industri pemakanan, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan program *Food Bank*. Program ini merupakan kerjasama strategik antara NGO dengan pihak Kementerian. Tujuan program ini adalah untuk memupuk semangat aktiviti kesukarelawan dan keterlibatan belia/orang ramai dalam program khidmat masyarakat. Oleh itu, Kementerian amatlah mengharapkan kerjasama semua Pertubuhan Bukan Kerajaan (Kepenggunaan) di seluruh negara bagi memastikan kelangsungan program *Food Bank* yang memberi manfaat kepada golongan kurang berkemampuan di seluruh negara.

Turut hadir Timbalan Menteri YB Tuan Chong Chieng Jen dan Ketua Setiausaha KPDNHEP Dato' Sri Jamil Salleh.

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

LUQMAN HAKIM ABD MALIK

Ketua Komunikasi Korporat KPDNHEP
Tel : 03-88825563 / 012-2065465
Emel : luqman.hakim@kpdnhep.gov.my

ZAITON YAHYA

Pengarah Bahagian Gerakan
Kepenggunaan
Tel : 03-88825704
Emel : zaitonyahya@kpdnhep.gov.my

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah self-regulated, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNKK :

